

SOALAN NO. 48**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN JULIAN TAN KOK
PING [STAMPIN]****TARIKH : 7 MAC 2018****SOALAN :**

YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci bagaimana peruntukan di Kawasan Parlimen Stampin digunakan semenjak GE13 sehingga yang terkini. Senaraikan dalam jadual setiap projek tersebut berserta jumlah yang diperuntukkan. Status terkini, tarikh peruntukan dan siap setiap projek tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak Pilihan Raya Umum ke-13 hingga tahun 2018, sebanyak RM2.75 juta telah diluluskan bagi kawasan Parlimen Stampin yang meliputi pelaksanaan 213 program/projek pelbagai kategori seperti bantuan kebajikan dan kecemasan, program sosial masyarakat, membekalkan peralatan dan kelengkapan, projek-projek kecil dan bantuan kepada pusat kegiatan masyarakat/orang ramai.

Ringkasan program/projek yang diluluskan di bawah peruntukan tersebut bagi kawasan Parlimen Stampin selepas PRU-13 adalah seperti berikut:

**JADUAL 1 : RINGKASAN PROGRAM/PROJEK DI KAWASAN
PARLIMEN STAMPIN SELEPAS PRU13**

TAHUN	KATEGORI	BIL PROJEK/ PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)	STATUS
2013 (Jan -Dis)	BANTUAN KEBAJIKAN DAN KECEMASAN	4	70,000.00	SIAP
	PROGRAM SOSIAL MASYARAKAT	6	231,172.00	SIAP
	PERALATAN DAN KELENGKAPAN	1	23,000.00	SIAP
	JUMLAH	11	324,172.00	
	KEAGAMAAN ISLAM	1	3,000.00	SIAP

TAHUN	KATEGORI	BIL PROJEK/ PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)	STATUS
2014 (Jan- Dis)	PUSAT KEGIATAN MASYARAKAT/ORANG RAMAI	1	8,000.00	SIAP
	BANTUAN KEBAJIKAN DAN KECEMASAN	1	37,500.00	SIAP
	PROGRAM SOSIAL MASYARAKAT	19	451,500.00	SIAP
	JUMLAH	22	500,000.00	
2015 (Jan – Dis)	PROGRAM SOSIAL MASYARAKAT	101	443,500.00	SIAP
	JUMLAH	101	443,500.00	
2016 (Jan-Dis)	PROGRAM SOSIAL MASYARAKAT	3	23,000.00	SIAP
	JUMLAH	3	23,000.00	
2017 (Jan-Dis)	KEAGAMAAN BUKAN ISLAM	1	50,000.00	SIAP
	PROGRAM SOSIAL MASYARAKAT	70	879,166.00	SIAP
	PROJEK-PROJEK LAIN	1	500,000.00	DP
	JUMLAH	72	1,429,166.00	
2018 (Jan-Feb)	PROGRAM SOSIAL MASYARAKAT	4	28,000.00	SIAP
	JUMLAH	4	28,000.00	
	JUMLAH KESELURUHAN	213	2,747,838.00	

*DP = Dalam Pelaksanaan

Pengurusan peruntukan dan pelaksanaan program/projek berkenaan adalah diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak tertakluk kepada garis panduan dan peraturan semasa yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.